

15/11/1997

Hujan turut jadi elemen drama

HUJAN tidak menghalang penggambaran telemovie terbaru arahan Megat Saiful Bahri, Sinarkah Mentari Lagi, malah ia banyak membantu pengarahnya mendapat shot yang baik dan mantap.

Telemovie yang mengambil masa selama hampir 10 hari disiapkan itu menggunakan pusat pemulihan Rumah Pengasih, Kuala Lumpur sebagai lokasi utamanya selain negeri Perlis dan sekitar Kuala Lumpur.

Megat berkata, dia percaya kepada pepatah Inggeris yang bermaksud; kalau anda gagal menandingi mereka, ikut saja rentak mereka. Dalam erti kata lain, kalau hujanlah yang menjadi halangan, gunakan hujan sebagai elemen dalam drama itu.

"Itulah sebabnya hujan tidak langsung membawa masalah kepada saya dan krew saya untuk memberikan yang terbaik bagi telemovie ini," katanya sewaktu ditemui di lokasi telemovie itu baru-baru ini.

Selain menggunakan lampu yang digunakan secara terus, Megat menggunakan lampu limpah atau spotlight di luar tempat penggambaran itu untuk mendapat penataan cahaya yang baik serta mood pelakon untuk melakonkan watak mereka.

Ternyata teknik yang digunakan ini membawa kejayaan kepadanya apabila ada antara babak yang diambilnya itu hanya dibuat dalam beberapa take sahaja.

Walaupun persediaan untuk setiap penggambaran sesuatu babak itu memakan masa yang agak lama, ternyata percubaan ini menjimatkan masa penggambaran itu sendiri.

Sinarkah Mentari Lagi membongkar realiti kehidupan penghidap virus HIV sebenar diharap dapat mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat.

Drama itu dibintangi Noraliah Lee Abdullah dan Riezman Khuzaimi sebagai peneraju utamanya diterbitkan oleh Produktif Impact dan mendapat sokongan daripada Datin Paduka Marina Mahathir dan Pengerusi Pengasih Malaysia, Yunus Mohamad.

Telemovie ini adalah kisah benar yang berlaku terhadap seorang pesakit di Rumah Pengasih. Mazlan (Riezman) beristerikan Maznah (Noraliah), seorang perempuan yang agresif dan garang terhadap suami.

(END)